

HAK SAUDARA BARU TERHADAP HARTA PUSAKA: ANALISIS UNDANG-UNDANG SEMASA¹

Dr Jasni bin Sulong
jasni@usm.my

ABSTRACT

The term of "saudara baru" (new believer) refers to person who have just converted to Islam. In the ownership of property, Muslim or non-Muslim, regardless new believer or not, have their full rights to own any assets. As well as in transferring wealth during their lifetime, Islamic law also permits Muslim or non-Muslim to pass the property among them without any restraint or limit, such as by selling or purchasing, leasing, gift, endowment or will. However in cases after death, there are provisions that property of a Muslim cannot be transmitted to his non-Muslim parents or sons. Except under joint-ownership, wills or maintenance, Muslim and non-Muslim have different rights as a spouse, kids or dependants as their personal rights. Thus, non-Muslim will not inherit from Muslim although both of them shared the same blood-tie. Hence, in the case of new believer, indirectly, their adherence to Islam has deprived both sides from inheritance. As for Islam, the differences of religion limit the process of transmitting wealth and at the same time, their relationship and responsibility as one family still be acknowledged and enforced among them. Therefore, this writing intends to discuss the former and the latter deeply, particularly in contemporary Malaysian society, to analyse the continuous development of rights and responsibility among parents although with different beliefs. The study also will look into the facts and theory, as well as the application in recent laws, fatwa's and cases, on how far it is in consistent with the Islamic law.

Keywords: Saudara baru, Muallaf, inheritance, Shariah Court, Malaysian law

PENDAHULUAN

"Saudara baru" adalah orang yang bertukar agama dengan menganut agama Islam. Saudara baru juga dikenali dengan istilah "saudara kita" dan "*muallaf*" (Anuar Putih 2005). Keislaman seseorang dapat membersihkan dirinya daripada dosa syirik kepada Allah s.w.t. Kesannya, tiada lagi hubungan dengan ahli keluarganya yang belum beragama Islam daripada sudut agama (*wilayah diniyyah*), melainkan dalam hubungan silaturrahim

¹ Penulisan artikel ini adalah hasil daripada pembiayaan Geran Universiti Penyelidikan (RUI), No. 1001/PHUMANITI/816177 yang diketuai oleh saya.

yang berasaskan hubungan darah dan keturunan (al-Bukhari, t.t.). Keadaan ini selaras dengan perbezaan tanggungjawab umat Islam dan selainnya, di mana orang Islam dan mereka yang bukan Islam dibezakan melalui perintah atau kewajipan yang disyariatkan Islam, iaitu hanya orang Islam sahaja yang wajib dikuatkuasakan atas sesuatu tanggungjawab di bawah hukum Islam, seperti kewajipan untuk mendirikan sembahyang, berpuasa, mengerjakan haji dan mengeluarkan zakat. Manakala bagi orang bukan Islam, terdapat peraturan tertentu yang boleh dikenakan ke atas mereka seperti tanggungjawab untuk hidup dengan aman damai bersama umat Islam dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Islam untuk kebaikan bersama (Yusuf al-Qardawi 1999). Berdasarkan senario ini, kertas ini akan cuba membincangkan hak dan tanggungjawab timbal-balas antara saudara baru dan ahli keluarganya yang bukan beragama Islam, khususnya daripada segi pembahagian harta pusaka dan jaminan kesinambungan nafkah kekeluargaan. Perbincangan ini penting berikutan banyak berlaku persepsi negatif mengenai tindakan pemeluk agama Islam sebagai pelarian daripada tanggungjawab nafkah dalam keluarga, dan batasan tanggungjawab antara mereka berhubung tanggungan kewangan. Justeru, perbincangan ini akan cuba menjelas kedudukan ini bersama status hak dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat.

SAUDARA BARU DAN HAK KE ATAS HARTA PUSAKA

Saudara Baru adalah merujuk kepada mereka yang baru memeluk agama Islam (Kamus Dewan 2005). Mereka dianggap sebagai “saudara baru” dalam konteks kemunculannya dalam masyarakat Islam di mana setiap umat Islam itu adalah bersaudara. Konsep ini selari dengan sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi (al-Muslim 1983):

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ : لَا يَظْلِمُهُ ، وَلَا يَخْذُلُهُ ، وَلَا يَحْقِرُهُ التَّقْوَى هَاهُنَا

Maksudnya: Seorang Muslim adalah saudara kepada seorang Muslim yang lain. Hendaklah ia tidak menzaliminya, tidak mengejanya dan tidak menghinanya. Ketaqwaan adalah di hati (dengan menunjuk ke dada Baginda s.a.w).

Hubungan baru sebagai “saudara seakidah” ini mewujudkan hubungan pertalian (*muwalah*) antara seorang individu Muslim dengan individu Muslim yang lain, di mana masing-masing menjadi pelindung (*wali*) dan mengambil berat antara satu sama lain. Justeru atas persaudaraan ini, masing-masing bertanggungjawab untuk melepaskan saudara Islamnya daripada sebarang kesukaran, penindasan dan kezaliman dalam hidup (Mustafa Abdul Wahid 1984).

Maka atas maksud inilah, hubungan persaudaraan (*ukhuwwah*) dalam Islam pada zaman awal dipupuk dengan begitu erat sehingga atas dasar “saudara”, mereka saling mewarisi harta pusaka sebagaimana orang Muhajirin yang mewarisi daripada orang Ansar dan begitulah sebaliknya. Pewarisan antara mereka ini menunjukkan hubungan *ukhuwwah*

Islamiyyah telah membentuk ikatan persaudaraan yang sangat erat sehingga menyamai ikatan hubungan darah (al-Sabuni, t.t.).

فَكَانَ إِذَا مَاتَ الْمُهَاجِرُ وَرَثَتُهُ أَخُوهُ الْأَنْصَارِيُّ، وَإِذَا مَاتَ الْأَنْصَارِيُّ وَرَثَتُهُ أَخُوهُ الْمُهَاجِرُ

Maksudnya: Adalah sekiranya orang Muhajirin meninggal dunia, ia akan diwarisi oleh saudara Ansarnya, dan sekiranya saudara Ansarnya meninggal dunia, ia akan diwarisi oleh saudaranya yang Muhajirin.

Pewarisan yang menafikan hak waris keturunan yang bukan beragama Islam dijelaskan lagi dalam riwayat yang lain, iaitu (al-Bukhari, t.t.):

كَانَ الْمُهَاجِرُونَ لَمَّا قَدِمُوا الْمَدِينَةَ، يَرِثُ الْمُهَاجِرُ الْأَنْصَارِيَّ، دُونَ دَوِي رَحْمَتِهِ، لِلأُخُوَّةِ الَّتِي آخَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بَيْنَهُمْ، فَلَمَّا نَزَلَتْ الْآيَةُ (وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوَالِي...) نُسِخَتْ.

Maksudnya: Orang-orang Muhajirin apabila sampai ke Madinah, harta pusaka mereka diwarisi oleh orang Ansar, bukan saudara darah-dagingnya (yang bukan Islam), mereka mewarisi kerana persaudaraan yang dipersaudarakan oleh Rasulullah s.a.w di antara mereka, maka apabila diturun ayat ini (setiap orang kami jadikan pelindung...) maka ayat ini pun dinasakahkan.

Jelasnya, “Islam” menjadi tali penghubung dalam ikatan persaudaraan baru antara insan sehingga menafikan tanggungjawab pusaka yang berasaskan hubungan keturunan, sekiranya antara saudara tersebut mempunyai akidah yang berlainan.

Secara lebih terperinci, para ulama mempunyai beberapa pandangan berhubung hak pewarisan harta pusaka antara orang Islam dan saudara mereka yang bukan beragama Islam. Dalam hal ini, terdapat tiga pandangan yang boleh dianalisis dalam konteks hubungan “saudara baru” dengan saudara kandungnya yang masih belum menganut agama Islam, iaitu, (i) masing-masing tidak mewarisi, (ii) hanya saudara yang Islam mewarisi kesemua harta, dan (iii) saudara yang Islam hanya mewarisi untuk tempoh saudara baru tersebut berada dalam agama Islam.

TIDAK MEWARISI ANTARA SATU SAMA LAIN

Saudara baru dan warisnya yang bukan beragama Islam tidak saling mewarisi. Pandangan ini adalah merupakan pandangan yang dipegang oleh ramai ulama, dan tercatat dalam syair Arab yang masyhur (Abu Abdullah, t.t.):

وَيَمْنَعُ الشَّخْصَ مِنَ الْمِيرَاثِ *** وَاحِدَةٌ مِنْ عِلَلٍ ثَلَاثٍ
رُقُّ وَقَتْلٌ وَاحْتِلَافٌ دِينٍ *** فَافْهَمْ ، فَلَيْسَ الشُّكُّ كَالْيَقِينِ

Maksudnya: Seorang individu itu tidak mewarisi dengan satu daripada tiga alasan; hamba, pembunuh dan berbeza agama. Maka fahamilah, ia tidak syak lagi dan diyakini.

Jelas bahawa harta seorang Muslim tidak boleh diwarisi oleh saudaranya yang bukan beragama Islam dan demikianlah sebaliknya. Dalam perkara ini, majoriti ulama bersepakat (*ijma'*) dengan merujuk kepada hadis Usamah bin Zayd yang berbunyi (al-Syawkani, t.t.):

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ ، وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Maksudnya: Orang Islam tidak mewarisi daripada harta pusaka orang yang bukan Islam, dan orang yang bukan Islam juga tidak mewarisi daripada harta pusaka orang Islam.

Dalam hadis yang lain, tegahan waris yang bukan Islam daripada mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam juga boleh difahami melalui hadis Abu Dawud (t.t.):

لَا يَتَوَارَثُ أَهْلُ مِلَّتَيْنِ شَتَّى

Maksudnya: Orang yang berbeza agama tidak akan mewarisi.

Berdasarkan kedua-dua otoriti hadis di atas, amat jelas bahawa perbezaan agama menjadi penghalang daripada berlakunya pewarisan antara dua orang yang bersaudara walaupun mempunyai hubungan darah. Amalan pembahagian pusaka menurut sistem Jahiliyyah yang memberikan pewarisan tanpa mengira perbezaan agama, asalkan mempunyai pertalian darah yang sama adalah ditolak. Sabda Rasulullah s.a.w (Abu Dawud, t.t.):

كُلُّ قَسْمٍ قُسِمَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَهُوَ عَلَى مَا قُسِمَ لَهُ وَكُلُّ قَسْمٍ أُدْرِكُهُ الْإِسْلَامُ فَهُوَ عَلَى قَسْمِ
الْإِسْلَامِ

Maksudnya: "Setiap pembahagian yang telah dibahagi-bahagikan pada masa Jahiliyyah adalah menurut apa yang telah dibahagikan. Dan setiap pembahagian yang dilakukan semasa Islam, maka itu menurut pembahagian Islam".

Hadis ini dikukuhkan lagi dengan riwayat daripada Usamah bin Zaid mengenai kedudukan harta pusaka yang ditinggalkan oleh bapa saudara Nabi yang masih berada di Mekah dan tidak menganut Islam (Ibn al-Athir 1972). Dalam kes tersebut, hanya waris Rasulullah s.a.w yang bernama 'Aqil yang mewarisi harta pusaka Abu Talib kerana tidak memeluk Islam. Tetapi, Jaafar dan 'Ali yang juga merupakan anak saudara kepada Abu Talib tidak mewarisi sesuatu pun daripadanya kerana telah memeluk agama Islam. Justeru, Saidina 'Umar menyatakan berdasarkan kes ini bahawa orang Islam tidak mewarisi daripada orang bukan Islam.

Begitu juga dalam kes harta pusaka *musta'man*, iaitu orang kafir harbi yang memasuki negara Islam dengan aman, di mana hartanya akan diwarisi oleh saudaranya yang bukan Islam. Negara Islam wajib mengirim harta pusaka ini kepada warisnya atau sekiranya tiada waris, ia menjadi *fay'* iaitu harta rampasan bukan kerana perang, yang disimpan di baitulmal untuk kemaslahatan umat Islam (Kafrawi Ridwan 2004). Undang-undang Pusaka Mesir telah menerima pakai pandangan jumah ini dan memperuntukkannya dalam Perkara 6, Undang-undang No. 77 Tahun 1943 Mesir yang berbunyi:

لا تَوَارَثَ بَيْنَ مُسْلِمٍ وَغَيْرِ مُسْلِمٍ . وَتَوَارَثَ غَيْرُ الْمُسْلِمِينَ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ
وَإِخْتِلَافُ الدَّارَيْنِ لَا يَمْنَعُ مِنَ الْإِرْثِ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ . وَلَا يَمْنَعُ بَيْنَ غَيْرِ الْمُسْلِمِينَ
إِلَّا إِذَا كَانَتْ شَرْعَةُ الدَّارِ الْأَجْنَبِيَّةِ تَمْنَعُ مِنْ تَوَارِثِ الْأَجْنَبِيِّ مِنْهَا

Maksudnya: Orang Islam tidak mewarisi daripada harta pusaka orang yang bukan Islam, dan orang yang bukan Islam mewarisi sesama mereka yang bukan Islam. Perbezaan negara tidak menghalang pewarisan antara sesama Islam dan begitu juga antara sesama bukan Islam, melainkan undang-undang di negara luar tersebut tidak membenarkan pewarisan daripada penduduk yang bukan warganegaranya.

Bagaimanapun menurut Imam Ahmad, sekiranya waris bukan Islam memeluk Islam selepas kematian pewarisnya yang beragama Islam tetapi sebelum pembahagian pusaka, saudara baru tersebut berhak mendapat harta pusaka sebagai *targhib* (penggalak) kerana memeluk agama Islam. Bagaimanapun jumah ulama berpandangan sebaliknya, iaitu waris yang baru memeluk Islam selepas kematian pewaris tidak berhak ke atas harta pusaka kerana masa kelayakan untuk pewarisan dikira pada saat kematian. Turun milik harta telah berlaku secara *hukmiyyah*nya pada masa kematian pewaris dan bukannya ketika pembahagian harta pusaka (al-Mardawi 1956). Justeru, "saudara baru" tersebut adalah terhalang daripada mewarisi harta pusaka pewarisnya yang telah terdahulu memeluk agama Islam dan meninggal dunia ketika waris ini masih belum memeluk agama Islam.

HANYA WARIS ISLAM MEWARISI

Pandangan kedua menyatakan bahawa “saudara baru” akan mewarisi daripada warisnya yang bukan beragama Islam tetapi tidak sebaliknya, berasaskan kedudukan agama Islam yang mulia dan benar. Kenyataan ini berpandukan hadis yang berbunyi, iaitu, “الإسلام يعلو ولا يعلو عليه” (Islam itu tinggi dan tiada yang lain yang lebih tinggi daripadanya). Begitu juga hadis yang berbunyi, “الإسلام يزيد ولا ينقص” (Islam itu bertambah dan tidak berkurang) (al-Bukhari, t.t.). Ketinggian Islam sebagai kelayakan untuk mewarisi harta bukan Islam ini juga adalah berasaskan kelebihan yang terdapat pada hukum mengahwini wanita Ahli Kitab, di mana Muawiyah menyatakan bahawa hanya lelaki Islam yang diharuskan berkahwin dengan wanita Ahli Kitab dan tidak untuk lelaki Ahli Kitab mengahwini wanita Islam (Syaltut Mahmud 2004). Justeru, berpandukan kelebihan dan keutamaan ini, Muaz bin Jabal, Ibn Musayyab, Masruq dan al-Nakhaei telah mengharus orang Islam mewarisi daripada saudara terdekatnya yang bukan beragama Islam (Ibn Qudamah 1999):

تَوْرِيْثُ الْمُسْلِمِ مِنَ الْكَافِرِ ، وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Maksudnya: Orang Islam mewarisi daripada orang kafir, tetapi orang kafir tidak mewarisi daripada orang Islam.

Mengelak daripada pandangan ini bertentangan dengan hadis yang telah dibincangkan sebelum ini, iaitu hadis Usamah bin Zayd yang melarang daripada mewarisi harta pusaka orang kafir, hadis Usamah tersebut hendaklah difahami sebagai pewarisan ke atas harta pusaka kafir *harbi* (yang wajib diperangi). Bagaimanapun, harta pusaka yang ditinggalkan oleh kafir selainnya seperti kafir ahli kitab dan kafir *dhimmi*, maka hukumnya adalah harus diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam. Hukum ini boleh dianalogikan dengan hukum wasiat, iaitu sekiranya seorang ayah yang Islam boleh mewasiat atau menghadihkan dengan sebahagian besar hartanya kepada anak yang bukan Islam, maka untuk kebajikan anaknya yang beragama Islam tentulah keutamaan ini lebih perlu untuk diberikan daripada harta seorang bapa yang masih belum memeluk agama Islam. Justeru, waris yang beragama Islam adalah lebih berhak untuk mewarisi daripada harta pusaka warisnya yang bukan beragama Islam.

Bagaimanapun Imam Ahmad bin Hanbal mentakwilkan hadis yang mengharuskan orang Islam mewarisi daripada harta pusaka bukan Islam di atas hanya khusus bagi orang Islam yang memerdekakan hamba yang bukan Islam, kerana wujudnya hubungan perwalian antara mereka (*wala' al-itaqah*). Pandangan ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi (Ibn Hazm 1993):

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ النَّصْرَانِيَّ إِلَّا أَنْ يَكُونَ عَبْدَهُ أَوْ أُمَّتَهُ

Maksudnya: Orang Islam tidak mewarisi daripada orang Nasrani melainkan Nasrani tersebut bekas hambanya (yang dimerdekan).

Pandangan Imam Ahmad ini telah ditarjih oleh Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah, iaitu orang Islam berhak mewarisi harta pusaka saudaranya yang bukan Islam hanya melalui tindakan memerdekakan hamba yang bukan Islam, dan tidak selainnya.

Bagaimanapun dalam keharusan mewarisi harta pusaka daripada pewaris yang bukan beragama Islam ini, tidak semua daripada harta pusaka tersebut harus diwarisi oleh waris yang beragama Islam. Ini kerana kemungkinan sebahagian daripada harta pusaka yang ditinggalkan tersebut adalah bukan harta di sisi syarak seperti najis arak, babi dan kedai perjudian yang tidak dianggap bernilai (*mal ghayr mutaqqawwim*). Misalnya arak, ia bukan sahaja najis malah diberikan dosa dan neraka kepada sesiapa yang menyimpan dan menjualnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w (al-San'ani 1998):

مَنْ حَبَسَ الْعِنَبَ أَيَّامَ الْقَطَافِ حَتَّى يَبِيعَهُ مِمَّنْ يَتَّخِذُهُ حَمْرًا فَقَدْ نَفَحَ النَّارَ عَلَى بَصِيرَةٍ

Maksudnya: Sesiapa yang menyimpan anggur pada musim dipetik sehingga ia menjualnya kepada orang yang menjadikan anggur tersebut arak, sesungguhnya ia telah meletakkan dirinya dalam neraka secara sedar.

Balasan neraka kepada pemilik 'arak' ini merupakan suatu bentuk prinsip di mana syarak tidak mengiktirafnya sebagai harta. Justeru, bagaimana arak boleh diwarisi sedangkan syarak mengancam pemilik dan peniagaanya dengan ancaman sebagai seorang perderhaka pada Allah s.w.t.

PUSAKA DARIPADA WARIS MURTAD

Orang murtad adalah juga merupakan "saudara baru", bukan kepada agama Islam tetapi kepada agama syirik yang baru dianutinya. Imam Syafie, Maliki dan pandangan masyhur daripada Ahmad menyatakan bahawa waris yang murtad tidak berhak mewarisi harta pusaka pewarisnya yang Islam, dan demikianlah sebaliknya. Sementara pandangan Ibn Mas'ud, Zayd bin Thabit, Saidina Ali dan Abu Yusuf berpandangan, waris yang beragama Islam harus mewarisi daripada harta pusaka warisnya yang murtad, dan tidak sebaliknya. Pandangan kedua ini selari dengan firman Allah s.w.t dalam Surah al-Ahzab yang berbunyi (Q33:27), "وَأَوْزَيْنَاكُمْ أَرْضَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ" yang bermaksud, "dan Dia mewariskan kepadamu tanah-tanah, rumah-rumah dan harta benda mereka (orang munafik dan murtad)". Nas al-Qur'an ini diperkukuhkan pula dengan riwayat Musa bin Abi Kathir yang ada bertanya kepada Sa'id bin al-Musayyab (Ibn Hazm 1993):

سَأَلَتْ سَعِيدَ بْنَ الْمُسَيَّبِ عَنِ الْمُرْتَدِّ هَلْ يَرِثُ الْمُرْتَدُّ بَنُوهُ ؟ فَقَالَ : نَرِثُهُمْ وَلَا يَرِثُونَنَا

Maksudnya: Aku bertanya Sa'id bin al-Musayyab tentang (pusaka) orang yang murtad, adakah anaknya akan mewarisi daripada harta pusakanya? Maka jawab Sa'id, kita mewarisi daripada mereka tetapi mereka tidak mewarisi daripada kita.

Walaupun pewarisan harta pusaka ini diharuskan oleh sebahagian besar ulama, namun kaedah pewarisan daripada pewaris yang murtad sebenarnya adalah terhad, iaitu waris yang beragama Islam hanya akan mewarisi daripada harta pusaka yang diperolehi ketika berada dalam Islam dan sebelum berlakunya murtad. Manakala harta yang diperolehi selepas waktu murtad tidak harus dipusakai oleh warisnya yang Islam dan hendaklah diserahkan kepada baitulmal untuk kebajikan umat Islam. Dalam kes ini, al-Syafie dan Ahmad berpandangan bahawa harta yang diperolehi ketika murtad itu dianggap sebagai *al-fay'*, iaitu harta yang diperolehi oleh negara daripada orang bukan Islam melalui jalan perdamaian (Kafrawi Ridwan 2004). Ini kerana hukuman halal darah ke atas orang yang murtad menatijahkan halal juga hartanya untuk umat Islam (baitulmal), tetapi tidak sedemikian semasa ia masih beragama Islam. Abu Sulaiman pula berpandangan, harta pusaka orang murtad yang dihukum bunuh akan diwarisi oleh saudaranya yang bukan beragama Islam sebagaimana firman Allah s.w.t yang menyatakan bahawa orang kafir adalah pelindung kepada orang kafir yang lain yang mengharuskan mereka untuk saling mewarisi (وَالَّذِينَ كَفَرُوا) (Q8:73). (بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ

Berhubung harta pusaka oleh pewaris yang murtad, Imam Abu Hanifah membezakan di antara harta pusaka yang ditinggalkan oleh pewaris lelaki dan pewaris wanita. Harta pusaka yang ditinggalkan oleh pewaris wanita yang murtad akan diwarisi oleh saudaranya yang beragama Islam tanpa mengira harta tersebut diperolehi sebelum atau selepas murtad. Manakala bagi harta pusaka yang ditinggalkan oleh pewaris lelaki yang murtad, saudaranya yang beragama Islam hanya akan mewarisi daripada harta yang diperolehi sebelum murtad sahaja (Kafrawi Ridwan 2004). Hujah ini berasaskan kelemahan wanita berbanding lelaki, yang mengharuskan waris yang beragama Islam menguasai keseluruhan harta pusakanya, sebagaimana tanggungjawab waris lelaki melindungi mereka.

SAUDARA BARU DAN BATASAN PEMBAHAGIAN PUSAKA (HIJAB)

Jelas berdasarkan perbincangan di atas, saudara baru hanya mewarisi dan diwarisi dalam kalangan saudara-maranya yang bersamaan akidah dengannya, iaitu agama Islam. Dalam hal ini, kaedah pembahagian harta pusaka adalah sama iaitu “waris yang terdekat akan menghijab yang jauh”. Waris yang terdekat ini hendaklah yang beragama Islam dan jumur fuqaha berpandangan, waris yang bukan Islam tidak berhak untuk menghijab waris Islam yang lain kerana mereka tidak dianggap sebagai waris yang sah di sisi hukum

syarak. Kedudukan waris yang bukan Islam ini adalah seperti tidak wujud dan tidak boleh menghijab waris yang lain dan juga tidak boleh meng'asabahkan.

Bagaimanapun al-Hasan berpandangan waris yang bukan Islam masih berkuasa menghijab waris Islam yang lain, begitu juga waris yang masih hamba masih berkuasa menghijab. Hanya waris yang menjadi pembunuh sahaja yang dianggap tidak berkuasa menghijab kerana dijatuhkan dengan hukuman mati. Berasaskan pandangan ini, seorang anak yang berlainan agama, akan menghijab secara *nuqsan* (sebahagian) bahagian suami, isteri dan ibu daripada mempusakai, walaupun anak tersebut tidak berhak untuk mewarisi kerana berlainan agama. Manakala Ibn Mas'ud, Abu Thawr dan Dawud berpandangan waris-waris yang terhijab *hirman* (terhalang sepenuhnya) daripada harta pusaka seperti akibat berlainan agama, masih hamba atau membunuh juga berkuasa untuk menghijab waris-waris yang lain. Ini kerana menurut Ibn Mas'ud, halangan syarak terhadap mereka daripada mewarisi bukanlah menafikan fungsinya sebagai anak dan hubungan darah (Ibn Qudamah 1999). Justeru, mereka boleh menghijab berdasarkan status mereka sebagai anak kepada si mati.

Bagaimanapun apabila merujuk kepada pemakaian undang-undang semasa pada hari ini, didapati pandangan jumah telah diterimapakai dalam penggubalan Undang-undang Pusaka Mesir di mana dalam Perkara 24, Qanun No. 77 Tahun 1943 memperuntukkan bahawa waris yang bukan Islam tidak berkuasa menghijab waris jauh.

المَحْرُومُ مِنَ الْإِثْرِ لِمَانِعٍ مِنْ مَوَانِعِهِ لَا يَحْجُبُ أَحَدًا مِنَ الْوَرَثَةِ

Maksudnya: Waris yang diharamkan daripada mewarisi harta pusaka kerana halangan-halangan (syarak) tidak (berkuasa) menghalang waris yang lain daripada mewarisi harta pusaka terbabit.

Jelasnya, apabila seseorang waris yang bukan beragama Islam dihalang daripada mewarisi harta pusaka "saudara baru", maka dia juga terhalang daripada berfungsi sebagai penghijab (*hajib*). Justeru, sekalipun dalam kaedah umum hukum pusaka menyatakan bahawa waris yang jauh tidak akan mewarisi apabila wujudnya waris yang dekat (لا يرث الأبعد مع وجود الأقرب) (al-Syawkani, t.t.), namun kaedah ini tidak diterimapakai pada waris yang bukan beragama Islam.

SAUDARA BARU DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Terma "saudara baru" atau *muallaf* adalah merupakan istilah yang biasa digunakan di negara ini, bagaimanapun ia tidak terpakai selama-lamanya. Misalnya dalam fatwa di Selangor (2007) dan Melaka (2010), had panggilan kepada "saudara baru" atau *muallaf* di

sini adalah untuk tempoh 5 tahun sahaja. Manakala Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22hb. hingga 24hb. November 2005 menyatakan istilah ini lebih kepada amalan adat dan budaya setempat (*urf*) dan kerana itu tiada tempoh tertentu boleh ditetapkan. Apa pun istilah ini, berdasarkan hukum syarak, “saudara baru” atau *muallaf* adalah sama sahaja seperti orang Islam mukallaf yang lain yang memikul taklif dan tanggungjawab yang sama. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan mengenai kedudukan ini sebagaimana berikut, iaitu:

113. (1) *Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemeluk agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah, bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan pada setiap masa diperlakukan sebagai orang Islam.*

(2) *Seseorang yang pemeluk agama Islam olehnya telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bagi semua maksud di Negeri Selangor, dan bagi maksud penguatkuasaan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri Selangor, diperlakukan sebagai orang Islam.*

Seksyen 114 pula memperuntukkan, jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu adalah seorang *muallaf*, dan orang itu tidak didaftarkan dalam Daftar *Muallaf* atau di bawah mana-mana undang-undang mana-mana negeri sebagai seorang *muallaf*, persoalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada merit kes itu mengikut Seksyen 107, iaitu berhubung kehendak-kehendak bagi pemeluk agama Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, sedar mengenai maksud ucapan syahadah ini dan dilakukan dengan kerelaan hati.

Dalam pelaksanaan pembahagian harta pusaka yang melibatkan “saudara baru”, undang-undang di Malaysia tidak memperuntukkannya secara khusus dalam statut pentadbiran Islam, tetapi secara umumnya ia adalah berdasarkan hukum syarak. Oleh itu, harta pusaka seorang “saudara baru” yang meninggal dunia hanya akan diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam sebagaimana telah dibincangkan sebelum ini, dan sekiranya tiada waris, maka baitulmal akan mengambil keseluruhan harta tersebut. Fakta ini pernah diputuskan dalam kes *Re Emily binti Abdullah @ Yeo Leng Neo (1996)*, di mana harta peninggalannya telah dibahagi sebagai harta sepencarian (1/2) dan juga diambil sebagai harta pusaka oleh suami (1/4) dan bakinya diserahkan kepada baitulmal (1/4) kerana tiada waris beragama Islam yang lain. Begitu juga dalam kes *Re Zarina binti Abdullah @ Ooi Po Tsuan (2002)*, harta pusakanya telah diwarisi oleh suami, anak perempuan dan baitulmal kerana tiada waris Islam yang lain. Sementara dalam kes *Re Zaiton binti Abdullah (1989)*, kesemua harta pusaka si mati diserahkan kepada baitulmal akibat ketiadaan waris hubungan darah yang beragama Islam. Dalam semua kes ini, waris yang bukan beragama Islam tidak berhak untuk mewarisi.

HAK DAN TANGGUNGAN SAUDARA BARU DAN WARIS BUKAN ISLAM

Dalam Islam, sekalipun faktor akidah menjadi sempadan dalam kelayakan pindahmilik harta dengan pusaka, ia tidaklah menafikan daripada melakukan alternatif lain bagi memindahmilik harta kepada waris yang bukan Islam. Ini kerana Islam tidak menafikan hubungan biologi yang wujud di antara mereka yang berhubungan darah dan tanggungjawab kewangan ke atas mereka (al-Bukhari, t.t.). Dalam hal ini, tanggungjawab antara ibu bapa, anak-anak dan saudara rapat masih dikenakan ke atas “saudara baru” seperti semasa sebelum menganut Islam. Jelasnya, Islam mewajibkan kesinambungan tanggungan nafkah sesuai dengan tugas seorang bapa, suami atau anak, sekalipun kepada waris yang bukan Islam dalam tempoh yang tertentu kerana Islam mengajar umatnya bertanggungjawab dan menjaga kepentingan keluarga. Lebih-lebih lagi jika mereka itu adalah daripada darah daging sendiri sebagaimana umumnya firman Allah s.w.t berikut (Q2:233):

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada (ibu dan anaknya itu) menurut cara yang baik.

Rasulullah s.a.w juga ada bersabda yang bermaksud: “Suami adalah pemimpin terhadap kaum keluarga dan ia dipertanggungjawabkan terhadap orang-orang di bawah pimpinannya dan isteri adalah pemimpin dalam rumah tangga suami dan anak-anaknya, dan dipertanggungjawabkan terhadap orang-orang yang di bawah tanggungannya” (al-Bukhari, t.t.). Tanggungjawab ini tidak terbatas dengan sebab perbezaan akidah khususnya dalam tanggungan nafkah, silaturrahim dan pendidikan. Oleh itu adalah wajar bagi “saudara baru” untuk meninggalkan harta yang tertentu kepada anak, isteri, saudara dan ibu bapa walaupun mereka bukan beragama Islam bagi memastikan kebajikan mereka terjamin.

“Saudara baru” dan waris yang bukan beragama Islam juga berhak untuk mendapat hak daripada tanggungjawab yang terhutang. Menurut Sayid Sabiq (1990), apabila isteri yang bukan Islam memeluk agama Islam dan suaminya tidak turut serta, hak isteri sebagai waris tanggungan seperti dalam pembiayaan nafkah masih tidak gugur. Walaupun suami dihalang daripada bersekedudukan dengan isterinya, halangan tersebut bukanlah daripada isteri atas keengkaran dan sebagainya, tetapi halangan itu kerana suami tidak mahu memeluk Islam. Begitu juga halnya jika si isteri murtad, hak nafkah masih menjadi tanggungjawab suami ke atas isterinya selama masih dalam *‘iddah* dan berterusan ke atas anak-anak sehingga mereka dewasa (al-Zuhayli 2001).

Bagi melaksana tuntutan hak dan kewajiban ke atas waris tanggungan ini, selain penguatkuasaan undang-undang, pewaris harus melakukan wasiat atau memberikan sebahagian harta tertentu kepada warisnya yang bukan Islam, seperti melakukan pemberian (*hibah*) atau wakaf. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud, "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil" (Q60:8). Malah, sistem perundangan di Malaysia juga tidak menyekat seorang Muslim daripada memberi wasiat kepada orang bukan Islam. Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 misalnya, tiada syarat yang menyatakan bahawa setiap penerima wasiat mesti seorang yang beragama Islam. Syarat bagi benefisiari wasiat yang diperuntukkan dalam seksyen 7 adalah:

- i. diketahui;
- ii. mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan; dan
- iii. jika ditentukan, dia hendaklah wujud ketika wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, benefisiari tidak disyaratkan wujud sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati.

Justeru, waris yang bukan Islam boleh menerima wasiat daripada pewarisnya yang beragama Islam, dengan syarat tidak melebihi daripada satu pertiga harta. Ini kerana wasiat yang melebihi daripada kadar tersebut adalah tidak sah dan batal, melainkan mendapat persetujuan daripada waris yang lain.

AMALAN DAN KONFLIK PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KEPADA SAUDARA BARU

Sebagaimana telah dibincangkan, "saudara baru" tidak berhak menerima pusaka daripada warisnya yang bukan beragama Islam dan demikianlah sebaliknya, melainkan dalam tanggungjawab nafkah seperti perbelanjaan kehidupan, pendidikan dan perubatan. Hukum pewarisan harta pusaka ini diikuti dalam kes *In Re Timah binti Abdullah, deceased. The Official Administrator, FMS lawan Magari Mohihiko & 3 Ors (1940)*, apabila mahkamah memutuskan bahawa waris yang bukan Islam tidak berhak untuk mewarisi daripada harta pusaka warisnya yang beragama Islam. Kedudukan ini bukanlah perkara baru tetapi merupakan hukum Islam yang terpakai dalam undang-undang Islam yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri Melayu pada ketika itu (Salleh Buang 1996).

Dalam amalan pada hari ini, asimilasi antara anggota masyarakat yang semakin berkembang dan kedudukan harta yang pelbagai bentuk menyebabkan konflik berhubung hak ke atas harta peninggalan waris yang berbeza agama menimbulkan pertikaian di mahkamah. Misalnya, tuntutan ke atas harta peninggalan si mati muncul apabila status agama seseorang "saudara baru" dipertikai oleh salah satu pihak. Pertikaian ini bukan sahaja dalam menentukan status sebenar "saudara baru" yang telah meninggal dunia,

malah melibatkan harta peninggalan yang ditinggalkannya. Menurut perbincangan ulama fekah, terdapat beberapa kaedah dalam menentukan status agama seseorang saudara baru yang dipertikaikan dan hubungannya dengan pembahagian harta peninggalan dan pusaka, iaitu (al-Mardawi 1956):

- i. Sekiranya diketahui agama asal si mati tersebut, maka harta pusaka hendaklah diwarisi berdasarkan agama asal tersebut. Sekalipun pihak berkuasa Islam menyatakan si mati beragama Islam dan keluarga si mati menyatakan sebaliknya. Ini berdasarkan pandangan berikut:

قَالَ وَلَوْ مَاتَ رَجُلٌ ، وَخَلَفَ وَكَافِرًا ، فَادَّعَى الْمُسْلِمُ أَنَّ أَبَاهُ مَاتَ مُسْلِمًا ،
وَادَّعَى الْكَافِرُ أَنَّ أَبَاهُ مَاتَ كَافِرًا ، فَالْقَوْلُ قَوْلُ الْكَافِرِ مَعَ يَمِينِهِ ؛ لِأَنَّ الْمُسْلِمَ بِاعْتِرَافِهِ بِأُخُوَّةِ
الْكَافِرِ ، يَعْتَرِفُ بِأَنَّ أَبَاهُ كَانَ كَافِرًا ، مُدَّعِيًا لِإِسْلَامِهِ

Maksudnya: Jika seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan dua anak lelaki, yang beragama Islam dan bukan Islam. Anak lelaki yang Islam mendakwa bahawa bapanya meninggal dunia sebagai Muslim dan anak lelaki yang bukan Islam mendakwa sebaliknya. Maka dakwaan anak yang bukan Islam diterima dengan sumpah. Ini kerana anak yang Islam mengakui bersaudara dengan anak yang bukan Islam, (juga secara tak langsung) mengiktiraf yang bapanya dulu adalah bukan Islam, dan mendakwa kini telah Islam (perkara baru).

Prinsip ini seolahnya meletakkan hukum dengan mengekalkan (*al-istishab*) status si mati berdasarkan agama asal yang lebih diyakini berbanding kedudukannya dalam agama yang baru dianuti.

- ii. Sekiranya tidak diketahui agama asal si mati sama ada Islam atau tidak, maka waris yang bukan Islam juga akan mewarisi harta pusaka tersebut. al-Mardawi (1956) menyatakan:

أَنَّهُ إِذَا مَاتَ رَجُلٌ لَا يُعْرَفُ دِينُهُ ، وَخَلَفَ تَرْكَةً وَابْنَيْنِ ، يَعْتَرِفَانِ أَنَّ أَبَاهُمَا ، أَحَدُهُمَا مُسْلِمٌ ،
وَالْآخَرَ كَافِرٌ ، فَادَّعَى كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا أَنَّ مَاتَ عَلَى دِينِهِ ، وَأَنَّ الْمِيرَاثَ لَهُ دُونَ أَخِيهِ ،
فَالْمِيرَاثُ لِلْكَافِرِ ؛ لِأَنَّ دَعْوَى الْمُسْلِمِ لَا تَخْلُو مِنْ أَنْ يَدَّعِيَ كَوْنَ الْمَيِّتِ مُسْلِمًا أَصْلِيًّا
فَيَجِبُ كَوْنُ أَوْلَادِهِ مُسْلِمِينَ ، وَيَكُونُ أَخُوهُ الْكَافِرُ مُرْتَدًّا ، وَهَذَا خِلَافُ الظَّاهِرِ

Maksudnya: Sesungguhnya apabila seorang lelaki meninggal dunia yang tidak diketahui agamanya, dan meninggalkan harta peninggalan dan dua anak lelaki, yang kedua-duanya mengenalpasti itulah bapa mereka, seorang (anak) beragama Islam dan seorang anak bukan Islam. Mereka mendakwa bahawa bapa mereka meninggal dunia dalam agama yang

mereka anuti masing-masing, dan pusaka adalah baginya dan bukan bagi saudara seorang lagi, maka (dihukumkan) pusaka untuk anak yang bukan Islam. Ini kerana dakwaan anak yang beragama Islam tersebut boleh menggambarkan bapa mereka pada asalnya adalah Islam dan begitu juga agama anak-anaknya. Ini menjadikan saudaranya yang bukan Islam (seolahnya) telah murtad dan ini berlawanan dengan hukum zahir (kerana bapa yang baru memeluk Islam).

- iii. Semua anak akan mendapat pembahagian pusaka secara sama rata, iaitu harta dibahagikan secara saksama di antara waris yang Islam dan bukan Islam, sekiranya tidak diakui wujudnya persaudaraan antara anak-anak yang bertelingkah tersebut.

وَإِنْ لَمْ يَعْتَرَفْ بِأُخُوَّةِ الْكَافِرِ وَلَمْ تَكُنْ بَيْنَهُ بِأُخُوَّتِهِ ، كَانَ الْمِيرَاثُ بَيْنَهُمَا نِصْفَيْنِ ؛ لِتَسَاوِي أَيْدِيهِمَا

Maksudnya: Dan sekiranya tidak diakui persaudaraan dengan anak yang bukan Islam tersebut, dan tiada keterangan mengenai persaudaraan tersebut, maka pembahagian pusaka di antara mereka dibahagi dua, bagi menyamakan hak masing-masing (ke atas harta pusaka si mati).

- iv. Harta itu akan diwarisi oleh anak yang Muslim dengan syarat perkara ini berlaku di negara Islam, yang menggambarkan kedudukan agama asal si mati lebih berat kepada agama Islam.

يُحْتَمَلُ أَنْ يَكُونَ الْمِيرَاثُ لِلْمُسْلِمِ مِنْهُمَا وَهُوَ قَوْلُ أَبِي حَنِيفَةَ لِأَنَّ الدَّارَ دَارَ الْإِسْلَامِ ، يُحْكَمُ بِإِسْلَامِ لَقِيظِهَا ، وَيُثَبَّتُ لِلْمَيِّتِ فِيهَا ، إِذَا لَمْ يُعْرَفْ أَصْلُ دِينِهِ ، حُكْمُ الْإِسْلَامِ ؛ فِي الصَّلَاةِ عَلَيْهِ

Maksudnya : Dihukumkan bahawa harta itu menjadi milik waris Muslim sepenuhnya dan ini adalah pendapat Abu Hanifah dengan hujah bahawa ia berlaku di negara Islam, sama seperti Islam menghukum anak-anak yang dipungut (al-laqit) yang dijumpai di negara Islam yang tidak diketahui agama asalnya maka ia dikira sebagai beragama Islam. Begitu juga dengan mayat yang dijumpai di negara Islam, ia dihukum sebagai Muslim dan disolatkan jenazahnya.

Begitulah prinsip dan kaedah perundangan dalam perbahasan ulama fekah tradisional, namun senario dan situasi yang berlaku pada hari ini tidak semudah itu. Ini kerana hukum berubah dengan berubahnya zaman dan keadaan, ditambah lagi dengan kewujudan faktor luaran. Kerahsiaan mengenai status agama seseorang "saudara baru" menjadi antara

punca utama konflik ini timbul. Misalnya demi menjaga maruah keluarga, keinginan pembiayaan nafkah yang berterusan, kedudukan harta yang banyak dan kebencian pada agama lain.

Di Malaysia, konflik berhubung tuntutan harta pusaka antara waris yang beragama Islam dan waris yang bukan Islam sering timbul akhir-akhir ini akibat kerahsiaan pada anutan Islam. Justeru, pertikaian timbul akibat kekeliruan mengenai status agama seseorang "saudara baru" semasa kematian, seperti yang berlaku dalam kes *Moorthy Maniam lawan S. Kaliamal (2005)*. Konflik bertambah rumit apabila keluarga yang bukan Islam menggunakan bidangkuasa Mahkamah Sivil untuk menuntut hak mereka, sementara pihak berkuasa Majlis Agama Islam menggunakan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Bagaimanapun pertikaian bidangkuasa mahkamah berhubung pengesahan status "saudara baru" telah dijelaskan sebagai terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Hakim Dato' Rauf Sharif, Hakim Mahkamah Tinggi (Rayuan Khas) pada 28hb. Disember tahun 2005 tersebut telah meletakkan asas berikut:

"Surely the court with the jurisdiction and competency to decide on any matters arising, like veracity on the conversion to Islam, is the Syariah Court and not the civil court. This is in line with Article 121 (1A) of the Federal Constitution which states that the civil court has no jurisdiction regarding matters over which the Syariah Court has been vested jurisdiction by the written law."

Hanya Mahkamah Syariah sahaja yang mempunyai bidangkuasa untuk mengisytiharkan seseorang "saudara baru" itu telah keluar daripada Islam atau tidak, sebagaimana duluan kehakiman yang diputuskan dalam kes *Soon Singh lawan PERKIM Kedah & Anor (1999)*. Justeru, salah seorang pasangan yang bertukar agama tidak menatijahkan perkahwinannya terbuang secara langsung akibat perbuatan murtad tersebut, melainkan sehingga disahkan oleh Mahkamah Syariah. Hal ini kerana mengikut perundangan, si mati masih dianggap sebagai beragama Islam sehingga disahkan oleh Mahkamah Syariah bahawa saudara baru tersebut telah murtad. Peraturan Pendaftaran Negara 2001 juga mengesahkan bidangkuasa Mahkamah Syariah sebelum melakukan pindaan pada status dalam rekod pendaftaran dan kad pengenalan seorang warganegara.

Tidak semua kes yang didengar mengenai pengesahan status saudara baru di Mahkamah Syariah akan berpihak kepada agama Islam, atau dengan kata lain Mahkamah syariah tidak semestinya akan memutuskan bahawa si mati beragama Islam. Sebagai contoh dalam kes *Nyonya Tahir @ Wong Ah Kiu (2006)*, sekalipun status agama si mati pada kad pengenalan masih Islam, namun ini tidak menafi tindak-tanduk si mati yang telah terkeluar daripada agama Islam. Begitu juga dalam kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang lawan Fatimah Tan binti Abdullah (2009)*, keterangan keluarga dan rakan-rakan telah jelas menunjukkan bahawa si mati tidak beramal dengan agama Islam bersama bukti yang kukuh. Justeru dalam kes begini, jelas bahawa harta pusaka yang ditinggalkan tidak harus diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam kerana si mati telah terkeluar daripada agama Islam.

Bagaimanapun dalam kes tuntutan perceraian akibat pertukaran agama, konflik timbul apabila undang-undang sivil hanya mengiktiraf pembubaran perkahwinan bagi pasangan yang sebelumnya bukan beragama Islam, dilakukan di Mahkamah Tinggi Sivil sahaja. Berdasarkan Seksyen 51, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, apabila berlaku salah satu pihak daripada pasangan suami isteri telah memeluk agama Islam, maka pasangan dalam agama asal perlu membubarkan perkahwinan di Mahkamah Sivil (*decree of nullity*). Peruntukan tersebut berbunyi:

“Where one party to a marriage has converted to Islam, the other party who has not so converted may petition for a divorce: provided that no petition under this section shall be presented before the expiration of the period of three months from the date of the conversion”.

Jelas bahawa peruntukan hanya memberi kuasa kepada pasangan yang bukan beragama Islam sahaja untuk memohon pembubaran perkahwinan, dan pasangan yang beragama Islam tidak layak untuk membuat permohonan melainkan di Mahkamah Syariah. Begitu juga dalam kes pembahagian harta sepencarian, Seksyen 51A (1) dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) telah memberi kuasa kepada mahkamah sivil untuk meneruskan pembahagian aset perkahwinan khususnya yang berkaitan dengan perkongsian dan perolehan harta secara bersama. Bidangkuasa ini berikutan salah satu pihak yang terlibat dalam pertikaian adalah bukan beragama Islam.

Berdasarkan hukum syarak, apabila salah seorang pasangan memeluk agama Islam, hubungan perkahwinan antara saudara baru dan pasangannya akan terputus (*fa'ra'q*) (al-Kasani 1974; Syirbini Khatib 1958). Namun bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya berkuatkan kuasa ke atas orang Islam sahaja dan apabila kedua-dua pihak yang bertikai adalah beragama Islam. Justeru, deklarasi (*declaratory*) Mahkamah Syariah mengenai perintah perceraian tidak mengikat pasangan yang bukan beragama Islam sebagaimana telah diputuskan dalam kes *Ng Siew Pian lawan Abd. Wahid Abu Hassan, Kadi Daerah Bukit Mertajam & Satu Lagi* (1993). Keadaan ini menimbulkan lebih konflik apabila pasangan yang bukan beragama Islam tidak memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan. Menurut Akta 1976 di atas, sesuatu perkahwinan yang belum dibubarkan akan diisytiharkan sebagai masih berlangsung dan terpakai. Peruntukan Akta 1976 ini adalah bercanggah dengan hukum syarak. Keadaan ini boleh menyebabkan, harta peninggalan si mati juga akan turut diwarisi oleh warisnya yang berlainan agama.

Kedudukan ini pernah berlaku dalam kes *Eeswari Visuvalingam lawan Kerajaan Malaysia* (1990), apabila si isteri iaitu Easwari yang masih beragama Hindu telah membuat tuntutan untuk mewarisi wang pencen suaminya, seorang “saudara baru” yang telah meninggal dunia. Oleh kerana tiada petisyen pembubaran perkahwinan pernah dibuat, maka mahkamah memutuskan perkahwinan itu masih dianggap wujud dan berterusan sehingga melayakkan si isteri untuk menerima pencen suaminya berdasarkan Seksyen 4, *Pension Adjustment (Amendment) Act 1983* dan Seksyen 15, Akta Pencen 1980. Hak seorang bekas isteri untuk mewarisi wang pencen peninggalan bekas suaminya telah

diputuskan sebagai satu hak di bawah statut, tanpa mengira perbezaan agama sebagaimana berikut:

“the Pension Act 1980 and the 1980 Regulations are civil laws of general application and if a person is entitled under the act that the person is entitled regardless of whether he is a Muslim or a non-Muslim. For the purpose of the pension laws the appellant is certainly a widow [or one of the widows] of the deceased”.

Bagaimanapun, kedudukan undang-undang dan kuasa mahkamah sivil ini boleh mengundang konflik dan tuntutan bertindih apabila sekiranya “saudara baru” telah berkahwin lain selepas memeluk agama Islam dan isterinya yang baru turut menuntut hak daripada wang pencen terbabit (Mahamad Nasir bin Disa 2008). Sepatutnya mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan tersebut telah tamat dan pada masa yang sama bekas isteri masih mendapat hak ke atas wang pencen tersebut sebagai waris tanggungan (*dependant*).

Namun fatwa yang diputuskan oleh Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan pencen adalah termasuk dalam harta pusaka dan *Eeswari Visvalingam (1990)* tidak berhak ke atas wang pencen tersebut. Fatwa ini berbeza dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali-21 dua tahun sebelumnya, iaitu pada 12hb. September 1988 yang memutuskan sebaliknya iaitu ganjaran terbitan, pencen terbitan dan wang suguhati bukanlah harta pusaka dan tidak tertakluk kepada hukum *al-fara'id* kerana wang tersebut adalah terbit selepas berlaku kematian. Oleh itu, wang atau pembayaran tersebut bukanlah harta pusaka dan harus diwarisi oleh waris tanggungan iaitu waris yang ditanggung nafkah oleh si mati semasa hidupnya, sama ada mereka mempunyai hubungan nasab dengan si mati ataupun tidak, seperti isteri, anak-anak ataupun anak angkat (Wan Mohammad Wan Mustapha, 1988). Fatwa ini diputuskan sebagai sandaran kepada Seksyen 11 (1), Akta Penghitungan Semula Pencen 1980 (Akta 228) yang memperuntukkan bahawa “pencen terbitan atau pencen tanggungan” adalah menjadi hak balu, anak-anak serta ibu dan bapa dengan keadaan keutamaan diberikan kepada isteri dan anak-anak (Seksyen 11). Pentafsiran ini menjadikan waris tanggungan yang bukan beragama Islam juga berhak mendapat harta peninggalan dalam bentuk tanggungan pencen, seperti bagi tujuan nafkah dan sara hidup.

Tanggungjawab nafkah kepada keluarga yang bukan Islam juga pernah diputuskan oleh mahkamah di negara ini sebagai berterusan sekalipun suami telah menganut Islam, sebagaimana diputuskan dalam kes *U. Viswalingam lawan S. Viswalingam (1979)*. Dalam Islam, hak isteri yang bukan Islam ke atas nafkah hanya berlangsung selama tempoh *iddah* sahaja dan tidak berterusan selama-lamanya. Namun dalam undang-undang sivil, penerusan tanggungjawab “saudara baru” atau harta peninggalannya ke atas nafkah dan kebajikan ahli keluarganya yang bukan Islam berterusan sehingga dibenarkan oleh undang-undang. Dalam kes *Tang Sung Mooi lawan Too Miew Kim (1994)*, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa tanggungjawab yang dikenakan ke atas seseorang dalam perkahwinan semasa belum Islam tidak hilang begitu sahaja sekiranya salah satu

pihak menganut agama Islam. Ini bagi mengelak sikap lari daripada tanggungjawab dan meninggalkan bekas isteri dan anak-anak tanpa tanggungan dan tempat perlindungan. Dalam kes *Ganesan A/L Lingam @ Abdul Ghani*, Mahkamah Rayuan Putrajaya memerintah suami untuk terus membayar nafkah kepada isterinya yang masih dalam agama Hindu (Mahamad Nasir bin Disa 2010).

Di samping wang pencen, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-49 pada 19hb. September 2000 kemudiannya juga memutuskan bahawa wang pampasan yang diperolehi daripada kematian pekerja, wang pampasan melalui tuntutan mahkamah, wang socso dan seumpamanya juga tidak dianggap sebagai harta pusaka. Fatwa yang sama turut diwartakan di beberapa negeri seperti Kedah, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Dalam kes ini, harta tersebut tentu sekali boleh dituntut oleh waris si mati yang bukan beragama Islam sekiranya merupakan waris tanggungan kerana hanya harta pusaka sahaja yang dihalang pewarisannya kerana berlainan agama. Bagaimanapun, wang hadiah kerajaan kepada si mati yang mengambilkira tempoh bekerja dan kemudian meninggal dunia, premium dan bayaran bulanan insurans serta wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah merupakan harta pusaka. Harta ini hendaklah diwarisi hanya oleh waris yang beragama Islam sahaja.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Perbincangan di atas jelas menunjukkan hak pewarisan antara “saudara baru” dan warisnya sama ada yang turut memeluk agama Islam dan yang kekal dalam agama asal. Dalam hal ini, undang-undang Islam dengan jelas menghalang pewarisan harta pusaka antara “saudara baru” dan warisnya yang bukan beragama Islam. Bagaimanapun tanggungjawab untuk menanggung nafkah ke atas waris tanggungan yang bukan Islam seperti ibu bapa, anak-anak dan adik-beradik adalah masih berterusan sekalipun mereka tidak menganut agama Islam. Justeru, “saudara baru” bertanggungjawab untuk membiayai nafkah dan pembiayaan tertentu yang diperlukan mereka. Sekiranya “saudara baru” meninggal dunia terlebih dahulu, hak waris tanggungan yang bukan Islam ini masih berterusan dan boleh diambil daripada harta peninggalan yang tidak termasuk dalam kategori harta pusaka, seperti yang berlaku dalam kes wang pencen, wang saguhati, pampasan insurans dan tuntutan pampasan daripada mahkamah. Tuntutan juga boleh dituntut daripada harta peninggalan si mati apabila terdapat hutang atas tanggungjawab yang belum dilaksanakan semasa hidup si mati.

Pada masa yang sama, pewaris semasa hidupnya boleh membuat perancangan ke atas pindahmilik harta untuk waris tanggungannya yang bukan beragama Islam seperti melakukan wasiat, hibah dan wakaf demi kebajikan mereka. Dalam hal ini, perancangan pembahagian harta peninggalan adalah penting supaya kebajikan waris terdekat tidak akan tergugat. Undang-undang Islam tidak menghalang sebarang wasiat, hibah atau wakaf diberikan kepada seorang yang bukan beragama Islam. Di atas dasar kasih sayang

dan demi kebajikan waris yang bukan Islam, tindakan melakukan wasiat, hibah atau wakaf ini adalah merupakan tindakan yang terbaik dalam menjamin kebajikan waris tanggungan terus terbela sekalipun mereka berlainan agama.

BIBLIOGRAFI

Kamus Dewan (2005). Edisi 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Abu Abdullah Muhammad bin Ali. (t.t.). Matan al-Rahbiyyah. Dar al-Matbu'at al-Hadithah

Abu Dawud, Sulayman bin Ash'ath al-Sajistani al-Azdi. (t.t). Sunan Abu Dawud. Tahqiqi: Muhammad Nasr al-Din al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Anuar Puteh. (2005). Keperluan Bimbingan kepada Saudara Baru. Dalam Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (peny.). Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

al-'Asqalani, Ibn Hajar Ahmad bin Ali. (1995). Al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Rafi'ie al-Kabir. Tahqiq: Abi 'Asim Hassan bin Abbas. Kaherah: Muassasah Qurtubah.

_____. (2000). al-Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari. Riyadh: Dar al-Salam.

Azim Abadi, Abi al-Tayyib Muhammad Syams al-Haqq. (2001). Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud. Kaherah: Dar al-Hadith.

al-Baghawi, Abi Muhammad al-Husayn. (1974). Syarh al-Sunnah. j. 8. Damsyiq: al-Maktab al-Islami.

al-Baghdadi, Abu Muhammad 'Abd al-Wahhab. (1999). al-Isyraf 'ala Nuqti Masa'il al-Khilaf. j. 2. Beirut Lubnan: Dar Ibn Hazm.

al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. (t.t.). Sahih al-Bukhari, Mesir: Dar Matabi' al-Sya'ab.

Ibn al-Athir, al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari. (1972). Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul. j. 9. Maktabat al-Halwani.

Ibn Hazm, Ali bin Ahmad bin Sa'id. (1993). Al-Muhalla bil-Athar. j. 8. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Kathir, Ismail ibn Umar. (1987). Tafsir al-Quran al-Azim. j. 1. Beirut: dar al-Ma'rifah.

- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abd Allah. (1999). *al-Mughni*. j. 9. Sa'udi Arabia: Dar 'Alim al-Kutub.
- I. Mahmud. (1958). *Muslim Law of Succession*. Karachi: Pakistan Law House.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka. Bil. 4/2010 yang bersidang pada 23 Muharram 1432H bersamaan 29 Disember 2010 [Tidak diwartakan]
- Kafrawi Ridwan, H. et. all. (2004). *Ensiklopedia Islam*. j. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Kasani, Abu Bakr ibn Mas'ud. (1974). *Kitab Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. j. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Kerajaan Negeri Selangor. (2007). *Warta* No. 9. Jil. 58. (Mufti Selangor), 9 April 2007.
- Mahamad Naser bin Disa. (2010). "Isu-isu Perundangan yang Berbangkit daripada Pemeluk Islam: Suatu Analisis", dalam Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah (peny.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa*. Universiti Sains Malaysia: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Mahrn, Muhammad Bayumi. (1995). *Kitab al-Imamah wa Ahl al-Bayt*. j. 2. Beirut: Markaz al-Ghadir.
- al-Mardawi, Ali bin Sulaiman bin Ahmad. (1956). *Al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- al-Maridini, Muhammad bin Muhammad Sabt al-Syafi'i. (2001). *Syarh al-Rahbiyyah fi al-Faraid*. Tahqiq: Ahmad Farid al-Mazidi. Kaherah: Dar al-Masyari'.
- al-Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri. (1983). *Sahih Muslim bi-Syarh al-Nawawi*. j. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafa Abdul Wahid. (1984). *Mujtama' al-Islam*. Beirut: Dar al-Bayan al-Arabi.
- Nuraisyah Chua Abdullah. (2004). *Conversion to Islam – Effect on Status of Marriages and Ancillary Reliefs*. Kuala Lumpur: Law Book Services.
- al-Qardawi, Yusuf. (1999). *Golongan Bukan-Muslim dalam Masyarakat Islam*. Dalam *Arsil Ibrahim* (pent.). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (t.t.). *al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Daw' al-Kitab wa-al-Sunnah*. Mesir: Dar al-Hadith.
- Salleh Buang. (1996). *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan Material*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- al-San'ani, Muhammad bin Ismail. (1998). *Subul al-Salam: Sharh Bulugh al-Maram min Jam' Adillat al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Sayid Sabiq. (1990). *Fikih Sunnah*. j.7 & 14. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Syaltut, Mahmud. (2004). *al-Fatawa: Dirasah li-Musykilat al-Muslim al-Mu'asir fi Hayatihi al-Yawmiah al-'Ammah*. Kaherah: Dar al-Shuruq
- Syirbini, Muhammad ibn Ahmad. (1958). *Mughni al-Muhtaj : ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. j. 3. Kaherah: Matba`at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Syawkani. (t.t.). *Nayl al-Awtar: Syarh Muntaqa al-Akbar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. j. 5. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Wan Mohammad bin Haji Wan Mustapha. (1988). "Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam". Dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.). *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2001). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Ahmad Shahbari Salamon (et.al)(terj.). j. VII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.